

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 Jld. 2(27)

Tarikh : 16 Januari 2001

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah
88582 Kota Kinabalu.

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah
Tingkat 5, & 6, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu.

Pengarah
Jabatan Pertanian Sabah
Tingkat 5, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu.

Pengarah
Jabatan Perhutanan Sabah
Beg Berkunci No. 68
90009 Sandakan.

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 04 TAHUN 2001**

**SENARAI SYARIKAT/KONTRAKTOR BEKALAN DAN PERKHIDMATAN YANG TELAH
DISENARAIHITAM**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa syarikat/kontraktor bekalan dan perkhidmatan yang berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sabah seperti senarai di Lampiran "A" Surat Pekeliling ini telah melakukan kesalahan di bawah peraturan tata tertib pendaftaran syarikat/kontraktor dengan Perbendaharaan Malaysia. Kesalahan tersebut telah menyebabkan pendaftaran syarikat dibatalkan atau digantung atau tidak diperbaharui dan dengan itu juga syarikat-syarikat tersebut disenaraihitamkan. Tindakan tata tertib ini diambil selaras dengan peruntukan kuasa Arahan Perbendaharaan (AP) 184.4 serta peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

3. Oleh yang demikian, kontraktor-kontraktor tersebut adalah tidak dibenarkan untuk menyertai apa-apa tawaran perolehan secara terus/ sebut harga/tender Bekalan dan Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Jabatan/Berkanun Negeri yang menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan, kecuali atas sebab-sebab yang kukuh dan tidak dapat dielakkan serta terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Perbendaharaan Malaysia Sabah.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan tiada sebarang perolehan diuruskan oleh Jabatan/Badan Berkanun Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dengan syarikat/ kontraktor berkenaan. Sebarang perolehan Bekalan dan Perkhidmatan yang diuruskan dengan syarikat/kontraktor tersebut adalah melanggar peraturan semasa tatacara perolehan Kerajaan dan pegawai yang bertanggungjawab dengan perolehan tersebut boleh dikenakan tindakan surcaj.

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah Bil. 04 Tahun 2000 adalah dengan ini dibatalkan. Di atas perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

T.T

(**DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI**)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah.

s.k.:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan

Kementerian Kewangan Malaysia, Khazanah Malaysia
Blok 9, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta
50592 KUALA LUMPUR.

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93592 KUCHING.

Pengarah Audit Negara Cawangan Sabah
Tingkat 6 & 7, Rumah Persekutuan
88518 KOTA KINABALU.

Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Sabah
Tingkat 2, Rumah Persekutuan
88594 KOTA KINABALU.

SuratPekPMSBil.04th2001